

13

Pendekatan Pelbagai Perspektif: Meningkatkan Pembelajaran Menerusi Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman

Nor Hanisah Saphari

nor_hanisah_saphari@moe.edu.sg

Maktab Rendah Katolik

Halimah Rahmat


halimah_rahmat@moe.edu.sg

Maktab Rendah Meridian

Abstrak

Dapatan awal kajian menunjukkan pelajar tidak dapat melihat kepentingan Bahasa Ibunda pada masa kini. Mereka juga didapati tidak menyedari kerelevanan Bahasa Ibunda sebagai bahasa yang hidup. Akibatnya mereka lebih selesa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar maktab rendah menerusi Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman (*Experiential Learning*) khususnya pengalaman melalui Jejak Warisan yang mampu memberi kesan terhadap pembelajaran Bahasa Ibunda. Kajian ini melibatkan seramai 26 pelajar dari maktab rendah yang merupakan pelajar Bahasa Melayu peringkat H1. Berdasarkan dapatan kajian, Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman dapat meninggalkan keberkesanan dalam merangsang pembelajaran Bahasa Ibunda untuk menjadi bahasa yang hidup dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman, Kemahiran abad ke-21, Jejak Warisan, relevan



PENGENALAN

Pembelajaran dan pengajaran Bahasa Ibunda (MTL) di Singapura telah melalui beberapa fasa perkembangan di tengah-tengah landskap pendidikan Singapura yang dinamik dan bertenaga dalam abad ke-21. Bahasa Ibunda juga berdepan dengan cabaran-cabarannya yang tersendiri seperti profil penggunaannya iaitu para pelajar dan ibu bapa berubah mengikut masa. Perancang kurikulum Bahasa Ibunda dan para pendidik secara berterusan mencari jalan untuk menyesuaikan strategi pengajaran bagi memenuhi keperluan para pelajar Bahasa Ibunda abad ke-21 dan mencapai dua matlamat utama pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura di peringkat prauniversiti yang seperti berikut; untuk mahir dalam bahasa dan menggunakannya dengan cekap dalam pelbagai keadaan, dan menghargai bahasa sebagai bahasa budaya dan bahasa ilmu dan informasi dalam konteks masyarakat majmuk.

Dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi, pengajaran dan pembelajaran MTL seharusnya juga perlu berubah agar ia kekal relevan dan berjaya mencapai matlamatnya.


PERNYATAAN MASALAH

Satu daripada cabaran yang dihadapi para pendidik MTL ialah para pelajar tidak dapat melihat kepentingan Bahasa Ibunda pada masa kini. Mereka tidak menyedari kerelevanan Bahasa Ibunda sebagai bahasa yang hidup dan berkembang. Dengan penggunaan bahasa Inggeris yang meluas di Singapura, pelajar MTL lebih selesa berbahasa dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris berbanding dengan MTL. Natiujahnya, para pelajar yang mempelajari MTL di maktab rendah hanya memenuhi keperluan menduduki peperiksaan di peringkat sekolah dan nasional serta memperoleh gred minimum bagi mendapatkan tempat di universiti tempatan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar maktab rendah menerusi Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman;
2. mengubah pandangan para pelajar terhadap bahasa Melayu sebagai



- bahasa yang hidup; dan
3. mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran abad ke-21.

KAJIAN LEPAS


Dalam analisisnya terhadap Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman (PBP), Moon (2004) menekankan dua komponen penting iaitu aspek renungan dan apa yang diistilahkan Moon sebagai *ill-structured* (berstruktur lemah). Dalam membicarakan keberkesanan PBP, Moon berpendapat bahawa pembelajaran akan berlaku apabila pembelajaran itu lemah strukturnya atau ia mencabar pelajar. Selain itu, pelajar mestilah memiliki niat atau kecenderungan untuk memahami bahan untuk dipelajari. Ini bermakna bahawa pelajar perlu mempunyai motivasi diri untuk belajar.

Keeton dan Tate (1978) pula mendefinisikan PBP sebagai satu kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung dengan realiti perkara yang dipelajarinya. Menurut penulis, ini berbeza dengan pelajar yang hanya mendengar, membaca, menulis atau berbincang tetapi tidak berhubungan langsung dengan perkara tersebut dalam proses pembelajaran. Dalam tulisan ini juga penulis menekankan keperluan bagi guru untuk mengikuti perkembangan profesional.

Sweitzer dan King (2004) pula menekankan perlunya sesi renungan atau muhasabah dalam setiap proses PBP. Dua kaedah yang disarankan adalah menerusi penulisan jurnal atau portfolio dan sesi perbincangan atau seminar pada setiap hari. Penulis juga bersependapat dengan teori-teori yang dipelopori oleh Kolb (1971) yang digunakan sebagai sandaran dalam kajian ini.

Walter dan Marks (1982) mencirikan PBP kepada empat bahagian iaitu pelibatan, kerelevanan, tanggungjawab dan keanjalan. Keempat-empat perkara ini ditekankan kerana setiap proses pembelajaran tidak akan berjaya jika salah satu perkara ini tidak dapat dicapai. Setiap proses harus mengikuti enam peringkat. Penulis mencadangkan tahap-tahap berikut: perancangan, pengenalan, kegiatan, respons, rumusan dan penilaian. Menurut penulis, setiap peringkat menuntut peranan aktif daripada pemimpin atau ketua pelajar dan para peserta.

Martin, Franc dan Zounkova (2004) merumuskan kajian PBP mereka di Republik Czechoslovakia dengan menggariskan beberapa elemen penting.




Pertama, PBP merupakan satu kursus menyeluruh yang merangkumi pelbagai aktiviti termasuk muhasabah diri. Kedua, PBP haruslah diselimuti persekitaran fizikal dan emosional yang selamat dan keadaan yang positif dan menggalakkan. Ketiga, seelok-eloknya PBP harus dianggotai oleh peserta yang pelbagai latar belakang. Akhir sekali, guru pembimbing hanya berfungsi sebagai fasilitator.

Dalam memberikan saranan umum berkaitan PBP, Kuh, Douglas, Lund dan Ramin-Gyurnek (1994) menyimpulkan cadangan mereka dengan menggesa pihak institusi pendidikan memainkan peranan aktif seperti berikut: pertama, seharusnya terdapat pemupukan etos pembelajaran di seluruh institusi pendidikan; kedua, misi institusi pendidikan haruslah memberatkan kepentingan pengalaman belajar di luar bilik darjah; ketiga, kesan pembelajaran di luar bilik darjah terhadap pelajar haruslah dinilai dari masa ke masa; keempat, usaha harus dijalankan supaya membentuk budaya pelajar yang memupuk sifat bertanggungjawab dan nilai-nilai murni.

Knapp dan Jacobs (1981) menukil Fremer (1976) untuk mencadangkan cara-cara bagi menentukan ukur tara dalam menilai PBP. Antara cadangan Fremer, pertama, bandingan harus dibuat antara PBP dan pembelajaran tradisional di dalam bilik darjah; kedua, pembelajaran lengkap haruslah diberikan definisi yang jelas; ketiga, ukur tara haruslah tekal dan sah; keempat, ukur tara haruslah dikembangkan dengan menggunakan kayu ukur pengurusan dan prosedur yang baik; dan akhir sekali ukur tara haruslah dikembangkan melalui proses yang bukan sahaja menitik beratkan keperluan pelajar, malah, mengenal pasti kewajipan institusi pendidikan kepada keperluan masyarakat.

Bentley (1998) pula memaparkan realiti dalam tuntutan pendidikan masa kini. Melalui kajian-kajian dan projek-projek yang dilakukannya, beliau merumuskan penelitian bahawa pendidikan masa kini menemui persimpangan. Menurutnya, dalam beberapa situasi, dunia pendidikan menggunakan infrastruktur lama atau yang sedia ada untuk mencuba pendekatan baharu atau memenuhi jangkaan baru. Pada masa yang sama, terdapat banyak inisiatif dan institusi baharu yang tumbuh. Kesimpulannya, beliau mencadangkan agar ketidakseimbangan ini perlu dihuraikan. Hanya dengan berbuat demikian, kita boleh membangunkan golongan masyarakat yang merupakan pelajar-pelajar sepanjang hayat yang berjaya.

Reed (1996) dalam bukunya, *The Necessity of Experience* menekankan bahawa adalah penting pengalaman itu dikongsi dengan orang lain. Ini bermakna




apabila pelajar diberikan peluang untuk melalui proses mengalami, maka satu sesi perkongsian sedang berlangsung. Dalam pada itu, Reed memandang berat, pengalaman, memberi pengajaran dalam bentuk yang tidak konvensional seperti menambah nilai dalam kemahiran berinteraksi, mengenal diri sendiri dan memahami keadaan sekeliling. Reed menegaskan bahawa adalah satu kerugian apabila para pelajar atau golongan muda tidak terdedah kepada pengalaman dan hanya meluangkan masa di depan kaca televisyen.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan teori Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman yang dipelopori Kolb (1971, 1984). Kolb telah melakukan kajian hingga terbinanya teori *Experiential Learning* atau Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman. Kajian Kolb diwakili oleh empat tahap kitaran pembelajaran yang dialami pelajar iaitu Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience*), Pengalaman Reflektif (*Reflective Experience*), Konsepsi Abstrak (*Abstract Conceptualisation*) dan Pengujikajian Aktif (*Active Experimentation*). Pada tahap Pengalaman Konkrit, pelajar menemui pengalaman baharu dan cuba mentafsir atau mentafsir semula pengalaman tersebut. Kemudian, pelajar membuat refleksi untuk menilai sama ada terdapat sebarang ketidaktekalan dalam pengalaman baharu tersebut dan bagaimana ini dapat difahami. Dalam tahap seterusnya, pelajar melalui proses menubuhkan idea baharu atau mengubah suai konsep abstrak yang baru diterima. Pada tahap eksperimentasi aktif, pelajar mengaplikasi konsep baharu yang diterima dalam kehidupan sekelilingnya untuk melihat hasil yang dapat diraih daripada proses pengaplikasian tersebut.

Pengkaji dari dua maktab rendah di Singapura telah buat pertama kali bergabung dalam melakukan kajian ini.

Kajian ini mengambil kira konteks kegiatan *MTL Fortnight* yang dilakukan di kedua institusi yang bergabung. Usaha ini juga diiktiraf dan menerima kerjasama daripada pihak Lembaga Warisan Negara (NHB) sejak 2015 kepada satu daripada institusi yang mengambil bahagian. Beberapa bentuk sokongan seperti latihan guru sebagai fasilitator Jejak Warisan disediakan oleh pihak NHB. Ini sesuai dengan matlamat NHB untuk memberi sokongan kepada institusi yang memanfaatkan tapak-tapak dan jejak-jejak warisan yang terdapat di merata Singapura demi pendidikan dan pelestarian warisan bangsa.



Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan para pelajar tahun satu maktab rendah dari dua buah institusi. Seramai 12 orang pelajar dari maktab rendah pertama dan 14 orang pelajar dari maktab rendah kedua mengambil bahagian dalam kajian ini. Kesemua pelajar merupakan pelajar Bahasa Melayu peringkat H1. Mereka berusia antara 16 -18 tahun dan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu H1 peringkat 'A' pada hujung tahun 2017. Semua pelajar berketurunan Melayu kecuali dua orang pelajar berketurunan Cina Indonesia. Semua pelajar bertutur kededua bahasa Melayu dan Inggeris sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Lebih kurang 43% dalam kalangan mereka bertutur dalam bahasa Inggeris sepenuhnya di rumah.

Instrumen Kajian


Kajian soal selidik sebelum dan sesudah lawatan dilakukan terhadap subjek kajian. Latar belakang pembelajaran berpengalaman sebagai subjek dan pengalaman belajar bahasa Melayu didapatkan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap pengalaman pelajar sebelum kajian ini dilakukan.

Para guru yang juga merupakan pengkaji melakukan pemerhatian semasa lawatan bagi mendapatkan maklumat mengenai pengalaman pembelajaran semasa di lokasi jejak warisan di Balestier. Tugas individu dan berkumpulan berdasarkan lawatan juga dijadikan alat untuk mengenal pasti ciri-ciri pengalaman pembelajaran yang dilalui para pelajar.

Ketiga-tiga instrumen membantu untuk memberi maklumat dan gambaran yang menyeluruh terhadap pengalaman para pelajar dalam mengikuti program Jejak Warisan di Balestier.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan sepanjang 2017 sebagai sebahagian daripada projek Dwiminggu Bahasa Ibunda (*MTL Fortnight*) ke Jejak Warisan Balestier. Sebelum menjalankan lawatan ke Balestier, para pelajar melakukan kajian secara berkumpulan terhadap lokasi-lokasi yang bakal mereka kunjungi sewaktu menjejaki Balestier. Lokasi-lokasi tersebut ialah Studio Jalan Ampas, Masjid Rahimahbi dan Lorong Kebun Limau. Para pelajar juga melalui bengkel ringkas mencipta video untuk menyiapkan mereka bagi tugas pascalawatan dan bengkel penulisan



skrip untuk kegiatan penyampaian lisan di lokasi. Ini bagi menyokong para pelajar dalam menyiapkan tugas berdasarkan lawatan yang juga dikaitkan langsung dengan tuntutan ujian lisan peringkat A.

Satu tugas berdasarkan ujian lisan diberikan kepada para pelajar. Setiap kumpulan ditugaskan untuk menyiapkan satu perkongsian berdasarkan tajuk yang telah diberikan sebelum lawatan. Setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan skrip berlatarkan lokasi yang bakal dikunjungi di Balestier dan menyampaikannya di lokasi selama dua minit. Masa dan konsep yang diberikan, selari dengan yang dituntut semasa ujian lisan. Perbezaannya hanyalah, ia perlu disampaikan di lokasi dan penyampaian tersebut dinilai oleh rakan-rakan yang lain. Setiap kumpulan membuat penyampaian di satu lokasi sahaja manakala mereka menjadi pemerhati dan penilai di dua lokasi yang lain.


Semasa mengunjungi lokasi-lokasi tersebut, pelajar juga perlu merakamkan pengalaman mereka melalui gambar dan video. Mereka dibenarkan untuk menggunakan telefon bijak atau kamera/alat perakam video sendiri untuk membuat rakaman sepanjang perjalanan mereka di Balestier. Pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan orang awam di lokasi jika perlu.

Tugas yang perlu disiapkan para pelajar merupakan pembinaan video yang merakamkan pengalaman mereka di Balestier. Panduan pembinaan video dan kriteria penilaian serta garis panduan keselamatan juga diberikan dalam buku panduan yang disediakan. Guru menilai tugas kumpulan dan markah akan diberikan bagi setiap penyertaan. Hadiah juga disampaikan kepada para peserta. Video yang terpilih sebagai pemenang akan ditayangkan di layar skrin di sekolah sebagai mengiktiraf usaha para peserta.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mengesahkan bahawa para pelajar abad ke-21 mempunyai ciri-ciri berikut:

1. pelajar mempelajari sesuatu melalui perbuatan dan tindakan;
2. pelajar menetap dalam dunia digital, audio dan teks;
3. pelajar berupaya melakukan pelbagai tugas dalam satu-satu jangka waktu yang menggunakan kesan bunyi dan imej untuk menyampaikan kandungan seberapa mungkin; dan



4. pelajar menggunakan pelbagai sumber termasuk teknologi untuk mencari dan mengumpul maklumat.

Ciri-ciri yang disebut di atas dapat diperhatikan dalam kegiatan yang dirancang dan dilaksana sebelum, semasa dan setelah lawatan ke Balestier.


Para pelajar didapati sangat selesa dengan penggunaan alat-alat teknologi maklumat (ICT). Kajian ini memanfaatkan penggunaan telefon bijak atau kamera digital sebagai syarat penghantaran tugas. Pengakuan dan pengesahan para pelajar terhadap tugas berasaskan ICT juga mendukung pandangan bahawa ICT menjadikan pengajaran Bahasa Ibunda menjadi lebih bermakna kepada guru dan pelajar. Para pelajar dapat lebih mengaitkan diri dengan tugas yang diberi dan pembelajaran Bahasa Ibunda kerana mereka sudah terbiasa dengan penggunaan alat-alat ICT dan perkembangan digital di sekeliling mereka.

Para peserta dapat menyampaikan topik di lokasi dan membina video yang menepati tema yang ingin disampaikan. Tugas ini bukan ingin memupuk pembina video yang profesional tetapi ingin melihat sejauh mana para pelajar dapat menyusun idea bagi menyampaikannya dalam bentuk visual, kesan bunyi dan bahasa yang sesuai dan tepat. Ini telah dicapai melalui tugas yang diberikan. Para pelajar juga selesa, yakin dan cenderung untuk mengkritik penyampaian dan hasil video rakan-rakan sebaya mereka dengan bahasa yang mudah tetapi menepati tujuan penilaian.

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan, didapati bahawa pandangan para pelajar terhadap pembelajaran bahasa ibunda khususnya bahasa Melayu telah menjadi lebih positif setelah mengikuti program ini. Mereka menunjukkan kecenderungan untuk belajar dalam suasana yang bukan konvensional seperti di dalam bilik darjah dan suka ke luar bilik darjah dan menggunakan alat-alat berteknologi seperti telefon bijak.

Oleh itu, Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Kolb (1984) sebagai alat untuk mengalami pembelajaran bahasa boleh diadaptasi kepada pembelajaran Bahasa Ibunda dalam konteks pembelajaran di Singapura. Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman mencipta ruang untuk kreativiti dan membina keupayaan pelajar untuk membuat keputusan secara sendiri.

Pengalaman ini juga memberi peluang kepada semua pelajar untuk



bermuhasabah terhadap pembelajaran mereka sendiri walaupun mereka memiliki keupayaan akademik yang berbeza-beza. Berdasarkan pengalaman serupa yang dialami bersama, pelajar terlibat dalam proses pembelajaran yang unik secara kolaboratif. Para pelajar juga terlibat sama dan bertanggungjawab dalam mengakses ilmu pengetahuan dan memperoleh kemahiran. Proses pembelajaran bermatlamat sendiri sedemikian membenarkan para pelajar untuk menganggap Bahasa Ibunda sebagai satu bahasa yang hidup dan relevan dari sudut yang baharu.

KESIMPULAN

Pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura membawa beberapa implikasi. Kajian ini menerangkan bagaimana pembelajaran Bahasa Ibunda dalam konteks abad ke-21 masih dapat mencapai matlamat terasnya untuk menghargai dan melestarikan budaya dan warisan melalui strategi relevan dan memaksimumkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar. Dengan menyesuaikan dan mengadaptasi profil pelajar dan perkembangan teknologi, dan menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat, memperoleh kemahiran dan menjadi mahir dalam Bahasa Ibunda boleh direalisasi dan dilaksanakan.

Bermula pada tahun 2006, inisiatif "*Teach Less, Learn More*" (TLLM) membantu guru dan pihak sekolah menumpukan pada asas pengajaran yang berkesan, menjadikan pelajar lebih terlibat sama, belajar dengan memahami dan berkembang secara menyeluruh, melebihi persiapan untuk ujian dan peperiksaan. Untuk melakukan demikian, sekolah-sekolah telah melakarkan inovasi dalam kurikulum, pedagogi dan penilaian.

Tukilan di atas merumuskan hala tuju bagi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Ibunda. Dengan pengenalan pada TLLM pada 2006, landskap pendidikan telah berkembang dan merubah pengajaran dan pembelajaran termasuk Bahasa Ibunda. Akhirnya, matlamat sistem pendidikan yang diinginkan dapat dicapai. Dengan strategi dan membuat penyesuaian, sistem pendidikan melalui Bahasa Ibunda dapat mencapai ciri-ciri yang diinginkan seperti berikut: seorang yang berkeyakinan, pelajar yang bermatlamat sendiri, penyumbang aktif dan rakyat yang prihatin.



RUJUKAN

Bentley, Tom. (1998). *Learning beyond the classroom: Education for a changing world*. London: Routledge Falmer.

Kolb, David, et al. (1971) *Organizational psychology: an experiential approach*. Prentice-Hall. New Jersey.

Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: experience as the source of learning and development*. New Jersey: Prentice Hall.

Keeton, M.T & Tate, P.J (eds). (1978) *New directions for experiential learning: Learning by experience – what, why, how*. San Francisco: Jossey-Bass Inc

Knapp, J.E & Jacobs, P.I (1981) *Setting Standards for Assessing Experiential Learning*. The Council for the Advancement of Experiential Learning (CAEL)


Kuh, G.D, Douglas, K.B, Lund, J.P, Ramin-Gyurnek, J (1994) *Student Learning Outside the Classroom: Transcending Artificial Boundaries*. Washington: Clearinghouse on Higher Education. Report Eight ASHE-ERIC Higher Education Reports.

Martin, A, Franc, D & Zounkova, D (2004) *Outdoor and experiential learning: An holistic and creative approach to programme design*. England: Gower Publishing Ltd.

Moon, J. A. (2004). *A Handbook of reflective and experiential learning: Theory and practice*. London: Routledge

Reed, Edward S. (1996). *The necessity of experience*. London: Yale University Press.

Sweitzer, H. F & King, M. K (2004). *The successful Internship: Transformation and empowerment in experiential learning (2nd Edition)*. Canada: Thomson Learning Inc.



Walter, G.A & Marks, S.E (1981). *Experiential learning and change: Theory design & practice*. New York: Wiley-Interscience Publication.

Ministry of Education, Singapore: Desired Outcomes of Education. (n.d.). Retrieved May 12, 2017, from [http://www.moe.gov.sg/education/desired-outcomes/Ministry of Education, Singapore: Parliamentary Replies - Teach Less, Learn More. \(2010, April 26\). Retrieved May 12, 2017, from http://www.moe.gov.sg /media /parliamentary-replies/2010/04/teach-less-learn-more.php](http://www.moe.gov.sg/education/desired-outcomes/Ministry of Education, Singapore: Parliamentary Replies - Teach Less, Learn More. (2010, April 26). Retrieved May 12, 2017, from http://www.moe.gov.sg /media /parliamentary-replies/2010/04/teach-less-learn-more.php)

Ministry of Education, Singapore: Education System: 21st Century Competencies. (n.d.). Retrieved May 12, 2017, from <http://www.moe.gov.sg/education/21cc/>

